

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : DEWAN TERBUKA UNTUK KEGUNAAN SEKOLAH

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Apakah jenis peruntukan di peringkat negeri yang dapat dimanfaatkan oleh sekolah-sekolah bagi tujuan membina dewan terbuka yang amat diperlukan untuk kemudahan aktiviti para pelajar?
- c) Berapakah jumlah bantuan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu membangun serta membaiki infrastruktur sekolah yang rosak atau uzur sehingga hari ini?

JAWAPAN:

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPBT)

- b) PBT hanya membina dewan awam di tapak-tapak yang telah disediakan sebagai tapak dewan atau tapak yang telah diserahkan oleh pemaju kepada kerajaan sebagai tapak dewan untuk tujuan kemudahan kepada masyarakat. Oleh yang demikian, tiada peruntukan bagi membina dewan terbuka di sekolah-sekolah. Dewan yang dibina di sekolah bagi memudahkan pelajar menjalankan pelbagai aktiviti adalah tertakluk kepada peruntukan pembangunan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

- c)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PROJEK SOLAR OLAK LEMPIT

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Apakah limpahan manfaat hasil projek ini kepada penduduk setempat khususnya di Mukim Dengkil seperti Olak Lempit dan Mukim Tanjung 12?
- c) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu membangunkan kemahiran penduduk luar bandar dimana projek berteknologi tinggi seperti ini dibangunkan agar mereka turut mendapat manfaat?

JAWAPAN:

- b) Dari segi ekonomi setempat, dijangkakan projek ini akan menarik pelabur untuk membangunkan kawasan sekitar samada untuk pembangunan industri atau perumahan selaras dengan zon gunatanah yang telah ditetapkan dalam Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030.

Selain itu juga, aktiviti tersebut dapat memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya mengenai teknologi solar dan operasi projek penjanaan solar.

Projek merupakan usahasama diantara pihak TNB dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, berkemungkinan manfaat yang boleh diberikan kepada penduduk adalah memberi penurunan tariff elektrik.

- c) Kerajaan Negeri sangat komited untuk meningkatkan kemahiran serta ilmu pengetahuan khususnya penduduk luar bandar di Negeri Selangor melalui program-program kemahiran. Namun program-program kemahiran yang berteknologi tinggi seperti projek solar belum pernah dilaksanakan setakat ini. Antara program yang melibatkan kemahiran yang dilaksanakan pada masa sekarang adalah seperti Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Kursus Kemahiran Jangka Pendek dan Sederhana.

Program ini pada dasarnya bertujuan untuk memberi pengetahuan serta tambah nilai dari segi kemahiran, ilmu pengetahuan yang berkaitan kepada belia dan masyarakat di luar bandar yang tidak berpeluang meneruskan pengajian secara formal. Pelaksanaan program ini juga dapat memberi peluang kepada mereka yang berminat untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan bagi membentuk kemahiran yang diperlukan

oleh mereka. Bagi tahun 2015 dan 2016, Program-program yang berkaitan dengan kemahiran telah dilaksanakan secara berasingan bertempat di INPENS International College dan di Institut Teknologi Kulinari Anjung Utara (ITKAU) pada bulan Ogos dan September. Bagi tahun 2017 pula, program Inkubator telah dilaksanakan di Inkubator Sabak Bernam dan juga Inkubator Meru, Klang, Selangor.

Program tersebut bertujuan untuk memberdayakan ekonomi warga desa dan Kampung Tradisi termasuk pembinaan kemahiran teknikal dan juga pembinaan modal insan yang diperlukan bagi meningkatkan taraf sosial rakyat Negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri. Antara kemahiran-kemahiran yang diberi keutamaan dalam program tersebut adalah seperti berikut:

- i. Penyamanan udara dan pendawaian elektrik;
- ii. Kecantikan, dandanan rambut serta jahitan;
- iii. Kemahiran membaiki motorsikal;
- iv. Makanan sejuk beku; dan
- v. Stimulatheraphy

Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pembinaan sembilan (9) buah Dataran Niaga yang melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.35juta di setiap daerah bertujuan untuk menaiktaraf tapak-tapak pasar malam sedia ada dan menjadi medan untuk memasarkan produk-produk desa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : KERJASAMA ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI DAN GLC-GLC
UNTUK MEMBANTU ADUN DALAM PROGRAM KEMASYARAKATAN
(CSR)**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Adakah terdapat rancangan untuk menggalakan kerjasama antara pihak GLC dan ADN bagi manfaat rakyat?

JAWAPAN:

- b) Segala bentuk kerjasama antara pihak GLC dan ADN perlu diuruskan oleh Pusat Khidmat Masyarakat ADN masing-masing. Dewan Negeri merupakan badan perundangan yang berkuasa menggubal undang-undang dan menguatkuasakan undang-undang negeri yang dipanggil enakmen. Justeru itu, Pejabat Dewan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mengadakan kerjasama di antara ADN bersama GLC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : MASALAH SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR WARGA ASING

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mengekang masalah pelajar warga asing yang semakin berani melanggar undang-undang negara?
- c) Berapakah jumlah sebenar pelajar warga asing yang kini menetap di Cyberjaya serta statistik penglibatan mereka dalam kes jenayah?

JAWAPAN:

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

b)

POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

- c) Jumlah sebenar pelajar warga asing yang kini menetap di Cyberjaya serta statistik penglibatan mereka dalam kes jenayah adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA IPTA / IPTS	JUMLAH PELAJAR WARGA ASING
1.	Cyberjaya University College Of Medical Scienes Persiaran Cyber Point Selatan 63000 Cyberjaya	244 Orang
2.	University Multimedia Persiaran Multimedia University 63000 Cyberjaya	1,169 Orang
3.	University Lim Kok Wing Jalan Teknokrat 1/3 63000 Cyberjaya	3,636 Orang
4.	Universiti Islam Malaysia Kampus Cyberjaya UIM Cyberjaya Blok 1 MKN Embassy Techzone Jalan Teknokrat 2 63000 Cyberjaya	2 Orang
5.	Asian Metropolitan University No. 3517 Jalan Teknokrat 5, Cyber 5	42 Orang

	63000 Cyberjaya	
Jumlah Keseluruhan		5,093 Orang

Statistik kemalangan mengikut bangsa bagi pelajar warga asing sepanjang Jan-Okt 2018 bagi daerah IPD Sepang.

BIL.	NEGARA	JUMLAH
1.	Filipina	1
2.	Sri Lanka	1
3.	Jepun	1
4.	Korea	2
5.	Thailand	4
6.	Eropah	0
7.	Negro	4
Jumlah		13

Statistik tangkapan jenayah mengikut bangsa bagi pelajar warga asing sepanjang Jan-Okt 2018 bagi daerah IPD Sepang

BIL.	NEGARA	JUMLAH TANGKAPAN	SEKSYEN
1.	Bangladesh	3	380 KK
		2	170 KK
2.	Mesir	1	395/397 KK
		1	506 KK
3.	Tajikistan	1	170 KK
4.	Namibia	1	170 KK
5.	Yemeni	1	323 KK / 506 KK
6.	Nigeria	2	6(1)(c) A / IMG 1959 / 63
		1	395 KK
		2	324 KK
		2	186 KK
7.	Libyan	3	148 KK
		1	326 KK
		1	302 KK
8.	Yemen	1	323 KK / 506 KK

		2	302 KK
9.	Algeria	1	324 KK / 427 KK
10.	Palestin	1	324 KK / 427 KK
Jumlah		27 Orang	

Mengikut Sek:

BIL.	SEK	JUMLAH TANGKAPAN
1.	380 KK	3
2.	395 KK / 397 KK	1
3.	170 KK	4
4.	506 KK	1
5.	323 KK / 506 KK	2
6.	6(1)(c) A / IMG 1959 / 63	2
7.	395 KK	1
8.	148 KK	3
9.	324 KK	2
10.	326 KK	1
11.	186 KK	2
12.	324 KK / 427 KK	2
13.	302 KK	3
JUMLAH		27 ORANG

Statistik tangkapan jenayah komersil mengikut bangsa bagi pelajar warga asing sepanjang Jan-Okt 2018 bagi Daerah IPD Sepang.

BIL.	SEK	JUMLAH TANGKAPAN
	-LAPORAN KOSONG-	

Statistik tangkapan jenayah narkotik bagi pelajar warga asing sepanjang Jan-Okt 2018 bagi Daerah IPD Sepang.

SEK	KES	TANGKAP
39B ADB	1	2
39A (2) ADB	0	0
39a (1) ADB	0	0
6B ADB	0	0
12 (2) ADB	2	4
9 ADB	0	0

6 ADB	4	5
AKTA RACUN	0	0
LLPK	0	0
SEK 15 (1) (a) ADB	9	9
SEK 3 (1) APD	0	0
JUMLAH	16	20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KAWAL SELIA PENGGUNAAN TANAH

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Adakah terdapat rancangan Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan kaedah baru '*pre-emptive*' yang lebih berkesan yang dapat mengekang dari awal penggunaan tanah secara tidak bertanggungjawab oleh pemilik?

JAWAPAN:

- b) Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 Pindaan 2016 telah memperuntukan di bawah Seksyen 115 iaitu syarat tersirat yang menyentuh tanah tertakluk kepada kategori 'pertanian', Seksyen 116 iaitu syarat tersirat yang menyentuh tanah tertakluk kepada kategori 'bangunan' dan Seksyen 117 iaitu syarat tersirat yang menyentuh tanah tertakluk kepada kategori 'perindustrian'. Bila berlaku suatu pelanggaran syarat telah berbangkit di bawah Seksyen 125 KTN secara berterusan tindakan seterusnya hendaklah diambil oleh Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 127 KTN.

Pentadbir Tanah boleh mengambil tindakan sama ada mengeluarkan notis dalam borang 7E iaitu Notis Supaya Menunjukkan Sebab Mengenai Pengenaan Denda (denda tidak kurang daripada RM500), jika pelanggaran masih berterusan Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan notis dalam borang 7F iaitu Notis Mengenai Niat Untuk Mempastikan Remedi Pelanggaran Atau Menguatkuasakan Pelucutan hak Tanah (denda tidak kurang daripada RM 100 setiap hari pelanggaran itu berlaku) atau terus mengambil tindakan di bawah Seksyen 128 KTN, notis dalam Borang 7A iaitu Notis Untuk Memulihkan Pelanggaran Syarat atau dibawah Seksyen 129 KTN, notis dalam Borang 7B iaitu Notis Supaya Menunjukkan Sebab dan sehingga kepada perampasan tanah di bawah Seksyen 130 KTN, notis dalam Borang 8A iaitu Notis Per Kembalian Tanah Kepada Kerajaan.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa bekerjasama dan berganding bahu secara berterusan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BAIK PULIH BANGUNAN KERAJAAN

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peruntukan yang disediakan bagi membaik pulih dan menaiktaraf bangunan-bangunan kerajaan, kompleks penghulu dan sekolah-sekolah yang diperuntukkan di Selangor khususnya di Semenyih?
- b) Berapakah kos-kos penyelenggaraan bangunan-bangunan kerajaan di setiap daerah di Selangor bagi tahun 2016-2017?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, bagi tahun 2018 Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM 3 juta bagi kerja baik pulih bangunan kerajaan. Skop kerja merangkumi baik pulih kuarters kerajaan, kompleks penghulu dan Pejabat Daerah / Tanah. Manakala, bagi bangunan sekolah hanya Sekolah Rendah Agama dan Sekolah KAFA yang diberi peruntukan bagi kerja baik pulih bangunan oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor.
- b) Kos penyelenggaraan bangunan-bangunan kerajaan di setiap daerah di Selangor bagi tahun 2016-2017 adalah seperti berikut:-

DAERAH	2016	2017	2018
	BANGUNAN KERAJAAN (RM)	BANGUNAN KERAJAAN (RM)	BANGUNAN KERAJAAN (RM)
PETALING	419,850.30	1,099,191.58	391,131.52
KLANG	101,393.00	2,237,091.34	1,393,890.76
GOMBAK	645,899.80	1,118,344.26	156,972.22
HULU LANGAT	100,289.68	2,904,454.65	960,318.82
SEPANG	479,561.00	3,132,747.98	427,251.02
KUALA LANGAT	959,695.50	1,567,713.02	1,050,146.66

DAERAH	2016	2017	2018
	BANGUNAN KERAJAAN (RM)	BANGUNAN KERAJAAN (RM)	BANGUNAN KERAJAAN (RM)
KUALA SELANGOR	483,388.60	1,024,577.54	711,765.34
HULU SELANGOR	348.809.23	1,813,658.52	662,999.90
SABAK BERNAM	677,344.60	2,415,920.72	377,004.46
JUMLAH	3,867,422.48	17,313,699.61	6,131,480.70

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : FAKIR MISKIN

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah statistik kadar kemiskinan di Selangor pada 2018 dibandingkan dengan kadar kemiskinan pada 2015? Apakah ada kemajuan yang lebih baik dari sebelumnya?
- b) Berapakah peruntukan yang telah disediakan Kerajaan Selangor terhadap fakir-fakir miskin sepanjang tahun 2017 selain skim-skim yang disediakan oleh Kerajaan kepada rakyat?
- c) Apakah usaha-usaha lain Kerajaan bagi membasmi kadar kemiskinan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Usaha mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Menyedari hakikat ini, program-program dan inisiatif-inisiatif sentiasa dipelbagaikan dan diperkukuh oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas terkini iaitu Tahun 2016 yang disediakan setiap dua (2) tahun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan tiada insiden kemiskinan. Penurunan insiden kemiskinan di Negeri Selangor adalah sebanyak 0.2%, iaitu daripada 0.2% pada tahun 2014 kepada 0.0% pada tahun 2016.

Pengurangan insiden kemiskinan di Negeri Selangor yang dicatatkan hingga ke paras sifar pada tahun 2016 ini telah membuktikan bahawa semua agenda dan rancangan Kerajaan Negeri terutamanya pelaksanaan Program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah berjaya memperlihatkan kejayaan dan keberkesanan yang amat positif dalam memberi kesan langsung untuk menurunkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor serta seterusnya memberi impak berterusan terhadap kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

- b) Saban tahun menyaksikan Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu dalam usaha memberi manfaat berterusan kepada

rakyat terutamanya dalam meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya golongan yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan. Antara rancangan dan inisiatif sedia ada Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi adalah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Terdiri daripada empat puluh dua (42) program, Program-program IPR merupakan usaha keras Kerajaan Negeri dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari dimensi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat.

Bagi mengurangkan bebanan rakyat dan peningkatan kos sara hidup, Kerajaan Negeri melihat bahawa langkah meneruskan kesinambungan “peduli rakyat” melalui pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) merupakan penyelarasan yang tepat dalam memberdaya dan mengupayakan golongan miskin. Untuk itu, pada tahun 2017, jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah berjumlah RM448.09 juta. Semua inisiatif ini merangkumi kluster pendidikan, pekerjaan, perumahan, kekeluargaan, kesihatan dan kebajikan. Melalui program-program tersebut, ianya secara tidak langsung menghasilkan impak positif terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa peduli akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat tanpa mengira umur dan etnik. Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang telah menjadi sanubari kepada rakyat Selangor pula akan terus diperkukuh dan dipelbagai oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat Selangor terus maju dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Setiap golongan masyarakat tidak terkecuali untuk dibantu dan diberdaya oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Terdiri daripada empat puluh dua (42) program, IPR bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin dan kurang berkemampuan di Negeri Selangor termasuk golongan miskin bandar dan luar bandar dengan memberi tumpuan kepada semua dimensi termasuk pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Program-program pembasmian kemiskinan yang lain selain IPR adalah merangkumi program-program pemberdayaan dan pengupayaan sosio ekonomi yang dijalankan oleh semua Jawatankuasa Tetap (STANDCO) serta Jabatan/ Agensi berkaitan. Program-program seumpama ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari aspek kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat. Hasilnya, rakyat dapat menikmati kesejahteraan hidup yang berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PEMBINAAN KAWASAN PERUMAHAN ELIT

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada kajian terhadap kesan pembinaan taman-taman besar bertaraf elit kepada kampung-kampung tradisional? Jika ada, apakah hasil penemuannya?
- b) Apakah ada usaha-usaha Kerajaan bagi menaikkan kampung-kampung tradisional supaya kawasan begini dapat dijadikan kawasan tumpuan pelancong dan juga dapat meningkatkan taraf ekonomi warga kampung seperti adanya kompleks kraftangan dari hasil-hasil orang kampung?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, belum ada kajian khusus yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang berfokus kepada kesan pembinaan taman-taman besar bertaraf elit ini kepada kampung-kampung tradisional di Selangor.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Selangor sedang melaksanakan Pelan Tindakan Khas (PTK) Penstrukturan Semula Kampung Dalam Bandar Negeri Selangor 2019 – 2023 yang mana ianya bertujuan untuk penstrukturan semula kawasan kampung di Negeri Selangor yang akan memfokuskan kepada 27 buah kampung dalam bandar yang terdapat di Negeri Selangor bagi memastikan perancangan, pembangunan dan pengurusan bagi setiap kampung di Negeri Selangor dapat dilaksanakan secara optimum dan holistik terutamanya ke arah mencapai gagasan Smart Selangor.

Senarai 27 kampung yang terlibat dalam PTK adalah seperti berikut:

DAERAH PETALING

1. Kg. Batu 14, Puchong
2. Kg. Baru Seri Kembangan
3. Kg. Padang Jawa
4. Kg. Sungai Kayu Ara

DAERAH KLANG

1. Kg. Pandamaran Jaya
2. Kg. Raja Uda

3. Kg. Telok Gudang
4. Kg. Delek
5. Kg. Padang Jawa
6. Kg. Kuantan
7. Kg. Sungai Pinang Bandar
8. Kg. Rantau Panjang
9. Kg. Baru Pandamaran
10. Kg. Batu 4 Jalan Kapar
11. Kg. Sungai Udang
12. Kg. Meru
13. Kg. Jawa
14. Kg Bukit Naga

DAERAH KUALA SELANGOR

1. Kg. Sungai Kajang
2. Kg. Assam Jawa

DAERAH GOMBAK

1. Kg. Laksamana
2. Kg. Gombak Utara
3. Kg. Selayang Baru

DAERAH HULU SELANGOR

1. Kg. Dato' Harun (Melayu)

DAERAH KUALA LANGAT

1. Kg. Telok Panglima Garang
2. Kg. Banting

DAERAH HULU LANGAT

1. Kg. Pandan Dalam

- b) Kerajaan Negeri komited untuk menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan keusahawanan supaya ianya boleh menjana masyarakat luar bandar yang maju dan berdaya saing. Bagi mencapai matlamat ini, program-program bersepadu yang bersesuaian telah dirangka dan akan dilaksanakan di Kampung Tradisi yang terpilih.

Bagi tahun 2018/2019, satu program yang dinamakan sebagai Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor Pengusaha Sosial Kampung Kuantan, Kuala Selangor (SARANG) telah dicadangkan pelaksanaannya. Program ini dilengkapi dengan penyelidikan,

pengumpulan dan analisa data peluang perniagaan termasuk pembentukan serta galakan perniagaan sosial beserta pembinaan jenama dengan melibatkan penyertaan agensi-agensi yang berkaitan. Program ini dijangka akan disertai oleh 50 Usahawan Sosial dari Kampung Kuantan setelah melalui saringan yang teliti agar mereka yang terpilih menepati kriteria yang ditetapkan.

Adalah diharapkan mereka yang terlibat ini kelak akan mampu membentuk atau meningkatkan usaha perniagaan yang lebih menarik dan berpotensi tinggi bagi pelancongan di Kampung Kuantan dengan pendekatan lebih menarik serta terancang. Dengan pelaksanaan program ini juga, adalah diharapkan tarikan ekopelancongan yang sedia ada iaitu kelip-kelip (termasuk peluang perniagaan yang berkaitannya) akan mendapat nafas baru dan penjenamaan semula untuk meningkatkan pendapatan penduduk kampung sehingga mampu untuk keluar dari garis kemiskinan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : STESEN BAS

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha terkini Kerajaan dalam menaiktaraf setiap stesen bas di Selangor?
- b) Adakah usaha-usaha untuk menyeragamkan setiap stesen bas di Selangor supaya lebih cantik, selesa dan selamat setaraf negara maju?
- c) Senaraikan bilangan stesen bas di Selangor dan berapa banyak stesen bas baru akan dibina di Selangor? Senaraikan mengikut PBT.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa berusaha dalam memastikan kemudahan infrastruktur pengangkutan awam seperti stesen dan hentian bas di Negeri Selangor adalah tersedia, sempurna dan dalam keadaan yang baik dengan menaiktaraf serta memperbaiki infrastruktur stesen mahupun pondok dan hentian bas yang baru atau sedia ada termasuk penambahbaikan dari segi rekabentuk.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri melalui *Smart Selangor Delivery Unit* sedang melaksanakan projek perintis bagi penyediaan *Smart Bus Stop* yang dilengkapi dengan ciri-ciri seperti *Passanger Info Display*, *Wifi Percuma*, *CCTV*, *USB Charging Station*, *Panic Button* dan *Air Quality Sensor*. Untuk tahun 2018, sebanyak 10 buah *Smart Bus Stop* telah dan sedang dibina iaitu dua di Shah Alam dan setiap satu di Ampang Jaya, Selayang, Subang Jaya, Kajang, Klang, Sepang, Kuala Langat dan Kuala Selangor. Rekabentuk dan ciri-ciri *Smart Bus Stop* ini adalah seragam dan hampir setaraf dengan negara luar.

Berdasarkan maklumat oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), dari tahun 2010 sehingga 2013, sebanyak 1,549 hentian bas telah dibina dan dinaik taraf.

Penyediaan stesen dan hentian bas oleh PBT diselaraskan dari segi rekabentuk dan warna yang seragam khususnya bagi hentian-hentian bas yang baru dibina, namun pelaksanaan juga tertakluk kepada kemampuan kewangan

PBT. Oleh itu, insentif bagi penyediaan hentian bas di sepanjang laluan Bas Smart Selangor telah diberikan kepada PBT sebagai sokongan Kerajaan Negeri dalam usaha penyeragaman dan menaiktaraf serta memperbaiki stesen dan hentian bas yang terdapat di Negeri Selangor.

- c) Jumlah stesen dan hentian bas berdasarkan rekod APAD bagi Negeri Selangor adalah sebanyak 6,835 untuk sebelas PBT (tidak termasuk Majlis Daerah Sabak Bernam - MDSB) manakala bilangan hentian bas di daerah Sabak Bernam adalah berdasarkan inventori MDSB iaitu sebanyak 69. Hentian-hentian baru hanya melibatkan hentian di laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hentian tersebut merangkumi hentian berbumbung, jenis *pole* dan *phantom stop*. Senarai hentian bas mengikut PBT adalah seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH HENTIAN BAS
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	1,068
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	846
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	753
4.	Majlis Perbandaran Klang	662
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	521
6.	Majlis Perbandaran Selayang	611
7.	Majlis Perbandaran Kajang	935
8.	Majlis Perbandaran Sepang	396
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	372
10.	Majlis Daerah Hulu Selangor	372
11.	Majlis Daerah Kuala Langat	299
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	69

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : ANJING LIAR

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada operasi bagi membanteras anjing-anjing liar di Selangor? Jika ada, berapa banyakkah anjing liar yang telah ditangkap bagi tahun 2016-2018? Sila nyatakan mengikut PBT.
- b) Apakah usaha-usaha lain yang dilakukan Kerajaan bagi mengawal pembiakan anjing-anjing liar ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan bilangan tangkapan anjing liar bagi tahun 2016 hingga Oktober 2018 adalah sebanyak **66,867 ekor**. Perincian jumlah bilangan tangkapan anjing liar mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	Bilangan Tangkapan Anjing Liar		
	2016 (Jan-Dis)	2017 (Jan-Dis)	2018 (Sehingga Okt)
MBSA	2,877	2,238	1,979
MBPJ	766	684	577
MPK	8359	11,987	5867
MPAJ	1558	962	273
MPSJ	1,629	1,519	860
MPS	2748	2277	1672
MPKJ	2,583	3,128	3,452
MPSP	899	984	879
MDKL	635	780	476
MDKS	651	512	589
MDSB	430	142	71
JUMLAH	23,785	25,786	17,296

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

- b) Usaha-usaha lain yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam mengawal pembiakan anjing berkeliaran adalah seperti berikut:

- i. mengadakan kempen “serahan haiwan” iaitu menyerahkan haiwan peliharaan yang tidak mampu dipelihara;
- ii. Penambahan syarat wajib mengkasi anjing jenis baka *mongrel/mixbreed* (kampung) dalam syarat permohonan lesen anjing;
- iii. Menggunakan kaedah menghalau haiwan dengan menggunakan kaedah *repellent* (Gel Kencing Harimau);
- iv. Kerjasama dengan penduduk melaksanakan program kawalan menggunakan kaedah “Tangkap – Kasi – Lepas” di kawasan penduduk sendiri;
- v. Melibatkan penyertaan NGO dalam operasi yang dilaksanakan dan lain-lain lagi;

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA ISLAM

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah sekolah agama Islam di bawah seliaan Kerajaan Negeri? Sila senaraikan semua sekolah agama yang ada di Selangor.
- b) Berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah agama Islam ini di Selangor sepanjang tahun 2017 dan 2018?
- c) Apakah program atau inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan bagi melahirkan pelajar-pelajar cemerlang dari sekolah-sekolah agama ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah sekolah di bawah seliaan JAIS adalah sebanyak 549 buah. Senarai sekolah seperti di **LAMPIRAN 1**
- b) Peruntukan bagi Sekolah Rendah Agama di Negeri Selangor adalah merangkumi peruntukan bagi pembinaan bangunan baru dan baikpulih bangunan sedia ada. Jumlah peruntukan tersebut bagi tahun 2017 & 2018 adalah seperti berikut:

TAHUN	PEMBINAAN BARU (RM)	BAIKPULIH & NAIK TARAF (RM)
2017	17,750,961.39	6,720,000.00
2018	26,873,424.50	4,900,000.00
	44,624,385.89	11,620,000.00

- c) Meneruskan program Mumtaz Milikku yang menjurus kepada kurikulum. Program Kemahiran Amal Islami peringkat sekolah, daerah dan negeri. Program Mukhayyam untuk pelajar MITS dan SRAI. Tadarus Perdana untuk murid SRAI dan SRAI. Sentiasa turut serta mengikuti program peringkat kebangsaan seperti MIISMAM (Majlis Ihtifal Sekolah-Sekolah Agama Malaysia) dan KESSUMA (Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Agama Menengah Malaysia)

LAMPIRAN 1

BIL	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
1	PG	BYA8001	SRAI SEKSYEN 19, SHAH ALAM
2	PG	BYA8207	SRAI D'MYS SEKSYEN 7, SHAH ALAM
3	HG	BYA4001	SRAI BANDAR BARU BANGI
4	HG	BYA4002	SRAI PEKAN BERANANG
5	GK	BYA7001	SRAI TAMAN KERAMAT
6	GK	BGR0009	SRAI SUNGAI CHINCHIN
7	KG	BYA0001	SRAI TAF BATU BELAH
8	KS	BYA3018	SRAI BDR BARU KUALA SELANGOR
9	KL	BYA1001	SRAI SUNGAI MANGGIS
10	SPG	BYA6001	SRAI SALAK TINGGI
11	SB	BYA6011	SRAI MUHAMMADIAH, PEKAN SABAK

SENARAI NAMA MITS

BIL	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA MITS
1	SEPANG	BXC9001	MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR (MITS) BAGAN LALANG
2	SABAK BERNAM	BXC6001	MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR SABAK BERNAM (MITSSB)
3	KLANG	BXC0001	MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS DAN TEKNOLOGI KLANG
4	KUALA LANGAT	BXC1001	MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR ISTANA BANDAR

SENARAI PRA SEKOLAH

BIL	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
1.	KLANG	BYA0053	PRASEKOLAH JAIS, KG JAWA KLANG
2.	KLANG	BYA0054	PRASEKOLAH SRA TOK MUDA
3.	KLANG		PRASEKOLAH SRA PEKAN MERU
4.	KLANGAT	BYA1035	PRASEKOLAH JAIS KUALA LANGAT
5.	K. SELANGOR	BYA3054	PRASEKOLAH SRA TAMAN MALAWATI, KUALA SELANGOR

BIL	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
6.	H. LANGAT	BYA4089	PRASEKOLAH JAIS HULU LANGAT
7.	H. SELANGOR	BYA5031	PRASEKOLAH SRA KUALA KUBU BHARU, HULU SELANGOR
8.	S. BERNAM	BYA6043	PRASEKOLAH JAIS PEKAN SABAK
9.	S. BERNAM	BYA6044	PRASEKOLAH SRA SG LIMAU
10.	GOMBAK	BYA7079	PRASEKOLAH SRA TAMAN PERMATA, GOMBAK
11.	PETALING	BYA8112	PRASEKOLAH JAIS KAMPUNG KAYU ARA
12.	PETALING	BYA8113	PRASEKOLAH SRA SEKSYEN 16
13.	PETALING		PRASEKOLAH SRA KG. BAIDURI
14.	SEPANG	BYA9030	PRASEKOLAH SRA BANDAR BARU SALAK TINGGI, SEPANG

SENARAI SRA

BIL	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH
1.	KLANG	BYA0002	SRA. PEKAN KAPAR
2.	KLANG	BYA0003	SRA. BUKIT KAPAR BARAT
3.	KLANG	BYA0004	SRA PEKAN MERU
4.	KLANG	BYA0005	SRA. SEMENTA
